

BUKU PANDUAN PENDAFTARAN

PELAJAR BAHARU DIPLOMA

SESI I 2025/2026



Politeknik Sandakan Sabah
Education Hub, Batu 10
Jalan Sungai Batang
90000 Sandakan, Sabah

Tel : 089 - 228 351
Faks : 089 - 228 325
<http://www.pss.mypolycc.edu.my>

BUKU PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU DIPLOMA SESI I 2025/2026 POLITEKNIK SANDAKAN SABAH

Panduan ini mengandungi:

- a) Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu
- b) Bayaran Yuran
- c) Minggu Transformasi Siswa (MTS)
- d) Pendaftaran “*Online*” (SPMP)
- e) Pendaftaran Kolej Kediaman
- f) Maklumat Am
- g) Surat Sesi Perjumpaan Ibu Bapa dengan Pengarah

ARAHAN:


1. Baca dengan teliti semua maklumat yang terkandung di dalam buku ini, **fahamkan dan ambil semua tindakan yang berkaitan dengan segera.**
2. Lengkapkan semua borang-borang yang terdapat dalam panduan pendaftaran ini. Bawa Buku Panduan Pendaftaran ini semasa mendaftar

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1.0 TATACARA PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU	1
2.0 SENARAI SEMAK DOKUMEN	2
3.0 PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU	
3.1 Hari Pendaftaran	4
3.2 Perkara-Perkara Yang Mesti Dibawa Pada Hari Pendaftaran	5
3.3 Pakaian Dan Rupa Diri Semasa Hari Pendaftaran	6
3.4 Carta Alir Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi II 2024/2025	8
4.0 PANDUAN BAYARAN YURAN	9
4.1 Tatacara Pembayaran Yuran Pengajian Dan Asrama	10
4.2 Bayaran Pelbagai	13
4.3 Bayaran Majlis Sukan Politeknik	14
4.4 Pelajar Yang Mendapat Tajaan	14
4.5 Bantuan Kewangan	14
4.6 Pelaksanaan Inisiatif Program Celik Madani	15
5.0 PENDAFTARAN DALAM TALIAN (SPMP)	16
6.0 PENDAFTARAN KOLEJ KEDIAMAN	16
6.1 Kemudahan Tempat Tinggal/Tawaran Kolej Kediaman	17
7.0 MINGGU TRANSFORMASI SISWA	18
8.0 HAL-HAL LAIN	19
9.0 MAKLUMAT AM	20
10.0 LAMPIRAN	24

TATACARA PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

CARTA ALIR SEBELUM HARI LAPOR DIRI



SENARAI SEMAK DOKUMEN SEBELUM HARI PENDAFTARAN

Semak dan tandakan ✓ pada petak yang berkenaan sekiranya perkara-perkara berikut telah disediakan oleh anda, sebelum ke Politeknik Sandakan Sabah. (Semua dokumen disusun mengikut tertib seperti tertera di dalam senarai semak)

(PERINGATAN: Kegagalan membuat pengesahan dokumen salinan akan mengakibatkan pendaftaran anda DITOLAK)

1.0	Sampul A (Dokumen Peribadi) – di dalamnya mengandungi salinan:-	
	a) Kad Pengenalan Pelajar	
	b) Kad Pengenalan Ibu / Bapa / Kedua-dua sekali	
	c) Sijil atau Slip Keputusan Peperiksaan SPM/ SVM	
	d) Sijil Kolej Komuniti KPT / Institut Pertanian Malaysia *	
	e) Transkrip Keputusan (Lulusan Sijil Kolej Komuniti / Institut Pertanian Malaysia) *	
	f) Sijil Berhenti Sekolah (Tingkatan 5 sahaja)	
	g) Surat Akuan / Testimonial Sekolah (jika berkaitan)	
	h) Sijil-sijil Ko-Kurikulum (Tingkatan 4 & 5 sahaja) / Pelaporan Pentaksiran Jasmani, Sukan dan Kokurikulum	
	i) Gambar warna terbaru 2 keping (Lelaki-Bertali Leher, Perempuan-Kemas)	
2.0	Sampul B (Dokumen Pendaftaran Pelajar Baharu) – di dalamnya mengandungi:-	
	a) Salinan Resit Pembayaran JomPAY bernilai RM200.00 (Yuran Pengajian)	
	b) Salinan Resit Pembayaran JomPAY bernilai RM360.00 (Yuran Kolej Kediaman)	
	c) Salinan Resit Pembayaran Pelbagai bernilai RM300.00	
	d) Salinan Surat Tawaran ke Politeknik	
	e) Borang Jawapan Tawaran (BJT-JPP)	
	f) Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (SPMP) (Lampiran D)	
	g) Salinan Penyata Akaun Bank Pelajar	
	h) BHEP1 – Borang Maklumat Peribadi Pelajar	
	i) BHEP2 - Laporan Pemeriksaan Kesihatan	
	j) BHEP3 - Perakuan Pelepasan Tanggungjawab	
	k) BHEP4 - Kebenaran Ibu/Bapa/Penjaga Untuk Rawatan Pembedahan	
	l) BHEP5 - Aku Janji Pelajar	
	m) BHEP6 - Borang Pengesahan Pendapatan	
3.0	Sampul C (Dokumen Pendaftaran Majlis Sukan Politeknik) - di dalamnya mengandungi:-	
	a) Borang Keahlian Majlis Sukan Politeknik (MSP) (Lampiran C)	
	b) Salinan Resit Pembayaran (<i>Electronic Fund Transfer</i>) bernilai RM 25.00	

4.0	Sampul D (Dokumen Pendaftaran Kolej Kediaman) - di dalamnya mengandungi:-	
	a) Borang Maklumat Pelajar Kamsis (Lampiran F)	
	b) Gambar Passport Terkini Dua (2) Keping	
	c) Salinan Kad Pengenalan Pemohon	
	d) Salinan Kad Pengenalan Ibu / Bapa / Penjaga	
	e) Salinan BHEP 6 – Borang Pengesahan Pendapatan	
	f) Salinan Resit Pembayaran Yuran Kolej Kediaman – RM360.00	
	g) Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (SPMP)	
5.0	Sampul E (Dokumen Pembelian Kelengkapan Pelajar) – di dalamnya mengandungi :-	
	a) Borang Keahlian Koperasi (Lampiran B)	
	b) Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (SPMP)	

** Bagi pelajar lepasan Sijil Sahaja*



Perlu dihantar semasa di Politeknik selepas melakukan pembayaran

PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

Anda dinasihatkan supaya membaca maklumat dan arahan di bawah dengan teliti supaya urusan pada hari pendaftaran berjalan dengan lancar. Anda tidak akan didaftarkan sekiranya mana-mana perkara yang disebutkan di bawah tidak dipenuhi.

1. HARI PENDAFTARAN

Anda hendaklah hadir mendaftar sebagai pelajar PSS seperti maklumat berikut:-

Tarikh : **28 Julai 2025 (Isnin)**
Masa : **8.30 pagi – 12.00 tengahari**
Tempat : **Pusat Kemudahan Asas,
Politeknik Sandakan Sabah**

Jika anda tidak mendaftar pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan bermakna anda menolak tawaran ini.

A. PERINGATAN SEBELUM HARI PENDAFTARAN

Maklumat anda akan disemak secara terperinci pada hari lapor diri. Tindakan akan diambil sekiranya anda:

- 1.1. Memberi maklumat salah atau palsu semasa permohonan berkaitan dengan:
 - a. Kewarganegaraan
 - b. Keputusan Peperiksaan SPM atau Keputusan Peperiksaan Semester Akhir atau Keputusan Akademik (bagi yang berkenaan)
- 1.2. Seorang penagih, pengedar atau terlibat dengan sebarang penyalahgunaan dadah.

Jika anda terlibat dengan perkara (i) dan (ii), tawaran kemasukan anda ke politeknik akan ditarik balik dan terbatal.

2. PERKARA-PERKARA YANG MESTI DIBAWA PADA HARI PENDAFTARAN:-


2.1 Borang-borang Pendaftaran berikut yang telah lengkap diisi:-

- i. BHEP1 - Borang Maklumat Peribadi Pelajar
- ii. BHEP2 - Laporan Pemeriksaan Kesihatan
- iii. BHEP3 - Perakuan Pelepasan Tanggungjawab
(perlu diisi dalam 2 salinan)
- iv. BHEP4- Kebenaran Ibu/Bapa/Penjaga Untuk Rawatan Pembedahan
- v. BHEP5 - Aku Janji Pelajar
- vi. BHEP6 - Borang Pengesahan Pendapatan
(perlu disertakan dengan slip gaji)



**Borang pendaftaran ini boleh dicetak di laman web
ambilan.mypolycc.edu.my**

2.2 Empat (4) keping gambar warna yang terbaru **berukuran passport**. Semua pelajar lelaki hendaklah **bertali leher** dan berambut pendek ketika bergambar. Pelajar perempuan pula berpakaian yang tidak mendedahkan bahagian bahu dan pelajar perempuan Islam diwajibkan **bertudung**. Sila catatkan nama dan no Mykad di belakang setiap keping gambar.

3. PAKAIAN DAN RUPA DIRI SEMASA HARI PENDAFTARAN



Lelaki	Keterangan
Baju/ Tali Leher	Kemeja lengan panjang (warna cerah) dan bertali leher.
Seluar/ Tali Pinggang	- Seluar panjang 'slack' berwarna hitam. (Jeans dan denim tidak dibenarkan.) - Tali pinggang berwarna hitam. (Corak atau kepala tali pinggang yang berbentuk keterlaluan tidak dibenarkan.)
Kasut	Kasut kulit berwarna gelap dan bertutup penuh. (Kasut sukan tidak dibenarkan) - Memakai sarung kaki dengan sempurna (tutup buku lali)
Rambut	Pendek, kemas dan tidak diwarnakan - Aras belakang tidak melebihi paras kolar baju, aras tepi tidak melebihi paras setengah telinga dan aras depan tidak melebihi aras dahi.




Perempuan	Keterangan
Baju	- Berbaju kurung / blouse labuh melepasi paras punggung. - Bertudung dan melebihi paras bahu bagi yang beragama Islam. Pakaian hendaklah bersopan dan tidak mencolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan yang sensitif tidak dibenarkan.
Kasut	- Kasut bertutup penuh. - Memakai sarung kaki dengan sempurna.
Rambut	Rambut kemas sama ada diikat atau dengan cara yang seumpama dengannya dan tidak diwarnakan

Topi, Baju-T, seluar jeans, seluar pendek dan seluar sukan **adalah dilarang**.

Peringatan : Kegagalan anda mematuhi ARAHAN PAKAIAN DAN RUPA DIRI semasa Hari Pendaftaran boleh menyebabkan anda TIDAK DIBENARKAN MELAPORKAN DIRI

CARTA ALIR PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI II 2024/2025



PANDUAN BAYARAN YURAN

Semua pelajar baharu perlu menjelaskan **EMPAT (4)** jenis bayaran iaitu:-

- i. Yuran Pengajian bernilai **RM 200.00**
- ii. Yuran Asrama/ Kolej Kediaman bernilai **RM 360.00**
- iii. Bayaran pelbagai bernilai **RM 300.00**
- iv. Bayaran Keahlian Majlis Sukan Politeknik (MSP) bernilai **RM 25.00**
- v. **TIADA PENANGGUHAN** bayaran yuran.

MUSTAHAK:

Ringkasan yuran dan jumlah bayaran pelajar baharu bagi semua kategori lulusan.

MUSTAHAK:

Ringkasan yuran dan jumlah bayaran pelajar baharu bagi semua kategori lulusan.

Bil.	Perkara	Jumlah Bayaran (RM)	Cara Bayaran
1.	Yuran Pengajian	200.00	Bayar melalui mana- mana perbankan internet melalui JomPAY atas nama Biller Code: 560201 Pembayaran Yuran Pengajian dan Yuran Asrama perlu dibuat berasingan dengan menggunakan 2 resit berbeza .
2.	Yuran Asrama/ Kolej Kediaman (semua pelajar semester 1 ditawarkan Asrama/ Kolej Kediaman)	360.00	
3.	Bayaran pelbagai (termasuk insurans)	300.00	Pelajar perlu membayar menggunakan TnG eWallet bagi bayaran tersebut. Pembayaran dibuat pada hari pendaftaran di Kaunter Koperasi
4.	Bayaran Keahlian Majlis Sukan Politeknik (MSP)	25.00	Bayar melalui Fund transfer ke akaun berikut: Nama Bank : Bank Islam Malaysia No Akaun : 04033010039722 Nama Akaun : Tetuan Majlis Sukan Politeknik Reference : No Kad Pengenalan Pelajar

PERINGATAN:

- i. Pembayaran yuran dan bayaran MSP perlu dibuat **sebelum 21 Julai 2025 (Isnin)** manakala bayaran pelbagai dibuat semasa hari pendaftaran
- ii. Semua bayaran secara **WANG TUNAI TIDAK DITERIMA** semasa Hari Pendaftaran.
- iii. Pelajar **perlu** membuka akaun simpanan **AL AWFAR Bank Islam Malaysia** bagi memudahkan urusan pembayaran yuran pengajian, asrama dan deposit pinjaman PTPTN. Permohonan pembukaan tanpa deposit ini boleh dibuat di Politeknik semasa Minggu Transformasi Siswa.
- iv. Semua pembayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan sekiranya anda berhenti dari menjadi pelajar PSS.
- v. Kegagalan menunjukkan **RESIT BAYARAN** akan menyulitkan proses pendaftaran.
- vi. Sila buat **4 SALINAN** (Pastikan terang & jelas) untuk **SETIAP BAYARAN** yang telah dibuat. *(tuliskan nama dan no pendaftaran pada setiap salinan).*

1. TATACARA PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN DAN ASRAMA

Mulai 1hb September 2021, bayaran Yuran hanya boleh dibuat melalui **saluran internet banking (JomPAY)** dari mana- mana bank. Pembayaran Yuran Pengajian dan Yuran Asrama perlu dibuat berasingan dengan menggunakan 2 resit berbeza.

Langkah 1: Pilih kaedah pembayaran **JomPAY**  melalui mana – mana portal perbankan internet (**INTERNET BANKING**). Bayaran boleh mula dibuat bermula **19 Jun 2025**



PEMBAYARAN SECARA MANUAL DI KAUNTER ADALAH TIDAK DIBENARKAN

Langkah 2 : Buat Pilihan Akaun Pengguna dan Isi Maklumat berikut :

- i. *Biller Code* : **560201**
- ii. *Reference 1* : **Nombor Kad Pengenalan Pelajar** (tanpa simbol -, contoh 023456123454)
- iii. *Reference 2* : **Nombor Telefon Pelajar** (tanpa simbol -, contoh 0133158978 terhad kepada 20 askara sahaja)
- iv. *Jumlah* : **RM 200 (Yuran Pengajian) / RM360 (Yuran Asrama)**

The screenshot shows the JomPAY interface with the following fields and labels:

- From:** Select an Account (dropdown menu)
- Please key in the necessary :**
- Biller Code:** 560201 (labeled *billercode*)
- Ref-1:** No Kad Pengenalan Pelajar (labeled *rrn*)
- Ref-2:** No Telefon Pelajar (labeled *rrn2*)
- Amount (RM):** 200 / 360 (labeled *amount*)
- Buttons:** Cancel, Submit

Langkah 3 : Menyemak semula maklumat sebelum mengesahkan (CONFIRM) pembayaran

The screenshot shows the JomPAY interface with the following fields and labels:

- From:** 745839932 - Savings Account
- Biller Code:** 560201 - Politeknik Sandakan Sabah (labeled *billercode and billercodename*)
- Ref-1:** No Kad Pengenalan Pelajar (labeled *rrn*)
- Ref-2:** No Telefon Pelajar
- Amount (RM):** 200 / 360 (labeled *amount*)
- Buttons:** Back, Confirm (labeled *confirm*)

Langkah 4 : Unique JomPAY Reference Number akan dipaparkan setelah transaksi bayaran berjaya dilakukan.

The screenshot shows a JomPAY transaction confirmation screen. The status is 'Successful'. The transaction details are as follows:

Field	Value	Annotation
Status	Successful	
From	745839932 - Savings Account	
Biller Code	560201- Politeknik Sandakan Sabah	billercode and billercodename
Ref-1	No Kad Pengenalan Pelajar	rrn
Ref-2	No Telefon Pelajar	
Amount (RM)	200 / 360	amount
Date & Time	28-FEB-2014 08:17:06 AM	
JomPAY Reference No.	9JD72KF9	nbpref
Bank Reference No.	1836008	

At the bottom of the screen, there are two buttons: 'OK' (green) and 'Print' (blue).

Pelajar diwajibkan untuk mencetak maklumat bayaran ini bagi tujuan simpanan dan rekod pendaftaran pelajar.

2. BAYARAN PELBAGAI


Bayaran pelbagai ini merangkumi pembelian kelengkapan pelajar dan juga insuran pelajar. Bayaran ini akan dibuat menggunakan Touch n Go e-Wallet. Bayaran pelbagai akan dibuat oleh pelajar di Politeknik Sandakan Sabah semasa hari pendaftaran kepada pihak koperasi

Semua pelajar wajib memuatnaik **aplikasi Touch n Go e-wallet** dan **tambah nilai RM 300** di e-wallet tersebut sebelum hari pendaftaran bagi memudahkan urusan pembayaran.

Semua pelajar juga wajib mendaftar sebagai ahli koperasi dan diminta untuk mengisi borang di **LAMPIRAN B** dan menyerahkan borang tersebut semasa pembayaran dibuat.

KAEDAH MUAT TURUN APPS TOUCH N GO e-WALLET

1. Muat turun aplikasi Touch n Go eWallet di Google Play Store/Apps Store/Huawei AppGallery




2. Daftar:
 - *Mobile number*
 - *6-digit PIN*


Pengesahan akaun:

- Klik *Verify Account Now*


3. Pastikan akaun telah disahkan



- Ambil gambar MyKad hadapan & belakang
- Ambil swafoto wajah & klik *Lets Go*.
- Pengesahan akaun dalam tempoh 48 jam.



4. Reload eWallet sebanyak RM300.00 dengan menggunakan Kad Debit atau Perbankan Internet



3. BAYARAN MAJLIS SUKAN POLITEKNIK (MSP)

MSP adalah satu organisasi induk yang menentukan dasar, merancang dan melaksanakan aktiviti sukan Politeknik Kementerian Pendidikan Tinggi. Semua pelajar sepenuh masa di Politeknik Malaysia adalah ahli berdaftar dengan MSP yang beralamat di Politeknik di mana pelajar ini mengikuti pengajian.

Semua pelajar wajib mendaftar dan diminta untuk mengisi borang di **LAMPIRAN C** dan menyerahkan borang beserta resit semasa pembayaran yuran

Kadar bayaran yuran adalah seperti berikut :

Bil.	Pengajian	Kadar Bayaran (RM)	Cara Bayaran
1.	Tahun 1 (Semester 1)	Yuran Pendaftaran - RM10.00 Yuran Semester - RM 15.00 Jumlah - RM 25.00	Bayar melalui Electronic Fund Transfer ke akaun berikut: Nama Bank : Bank Islam Malaysia No Akaun : 04033010039722 Nama Akaun : Tetuan Majlis Sukan Politeknik Refrence : No Kad Pengenalan Pelajar

4. PELAJAR YANG MENDAPAT TAJAAN

- Perlu **MEMBUAT BAYARAN** terlebih dahulu.
- Bawa **SALINAN SURAT** daripada pihak penaja yang telah disahkan. Contoh: Majlis Ugama Islam Sabah.

5. BANTUAN KEWANGAN

PSS TIDAK MENJAMIN sebarang bentuk bantuan biasiswa/pinjaman kewangan kepada pelajar. Tawaran biasiswa/pinjaman adalah di luar bidang kuasa Politeknik.

Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk menyediakan wang perbelanjaan secukupnya untuk sara hidup, pengangkutan, alatan pembelajaran, buku dan lain-lain.

Pelajar dinasihatkan supaya berusaha mendapatkan maklumat dan seterusnya (sekiranya layak) memohon biasiswa/pinjaman dari Yayasan Negeri masing-masing sebelum mendaftar diri di PSS. Pelajar boleh menggunakan surat tawaran melanjutkan pelajaran ke Politeknik Sandakan Sabah untuk tujuan tersebut. Pelajar-pelajar yang layak juga boleh memohon dari Tabung Kebajikan Bekas Perajurit dan Tabung Kebajikan Bekas Polis.

6. PELAKSANAAN INISIATIF PROGRAM CELIK MADANI DI POLITEKNIK SANDAKAN SABAH BAGI TAHUN 2025: PEMBERIAN RM50 UNIT AMANAH SECARA PERCUMA

- i. Pelajar perlu membuat pengesahan penerimaan tawaran pengajian Diploma Politeknik melalui laman web <https://ambilan.mypolycc.edu.my>.
- ii. Pelajar perlu membuka akaun ASNB secara individu atas nama sendiri selepas membuat pengesahan setuju terima tawaran dan sebaiknya sebelum proses pendaftaran diri di kampus pada 28 Julai 2025
- iii. Urusan pembukaan akaun ASNB perlu dilakukan secara atas talian melalui aplikasi MyASNB. Pelajar hanya perlu mendaftar akaun melalui aplikasi tersebut tanpa sebarang bayaran permulaan dan memasukkan kod rujukan '**Celik MADANI**' untuk pengkreditan RM50 unit amanah secara percuma.
- iv. Selepas berjaya membuka/mengemaskini akaun, pelajar perlu mengisi maklumat berkaitan dan nombor akaun ASNB (UHID) semasa Minggu Transformasi Siswa.

Nota: Sila rujuk Kit selamat datang ASNB Celik MADANI untuk cara mendaftar dan soalan soalan lazim di lampiran akhir.

PENDAFTARAN DALAM TALIAN (SPMP)

Politeknik Sandakan Sabah menggunakan Sistem Pendaftaran 'Online' terhadap semua pelajarnya. Oleh itu, sebelum menghadirkan diri pada hari pendaftaran, semua pelajar dikehendaki untuk melaksanakan pendaftaran 'online' melalui portal www.pss.mypolycc.edu.my.

Pelajar dikehendaki mencetak slip pengesahan pendaftaran dan membawanya bersama pada hari lapor diri dengan merujuk senarai semak. Rujuk **LAMPIRAN D** untuk prosedur pendaftaran 'online'.

Pendaftaran secara 'online' hanya boleh **DIBUAT 3 HARI BEKERJA** selepas pembayaran kesemua yuran pengajian, asrama diterima oleh pihak Bank Islam.

Pelajar juga perlu memuatnaik gambar passport yang terkini di dalam pendaftaran dalam talian (SPMP) tersebut. Rujuk **LAMPIRAN E** untuk prosedur memuatnaik gambar masing-masing.

PENDAFTARAN ASRAMA / KOLEJ KEDIAMAN

Semua pelajar semester satu adalah ditawarkan kemudahan Asrama / Kolej Kediaman. Sehubungan dengan itu, pelajar dikehendaki menyediakan dan menyerahkan dokumen-dokumen berikut pada hari lapor diri:

- i. Borang Maklumat Pelajar Kamsis (**LAMPIRAN F**)
- ii. Gambar Passport Terkini Dua (2) Keping
- iii. Salinan Kad Pengenalan Pemohon
- iv. Salinan Kad Pengenalan Ibu/Bapa/Penjaga
- v. Salinan Borang HEP 6 – Borang Pengesahan Pendapatan.
- vi. Salinan resit pembayaran Yuran Kolej Kediaman – RM360.00
- vii. Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (SPMP)

PERHATIAN

Dokumen-dokumen dinyatakan di atas perlu disusun dan dimasukkan ke dalam sampul berasingan (**Sampul D**)

1. KEMUDAHAN TEMPAT TINGGAL/TAWARAN KOLEJ KEDIAMAN

PSS menawarkan kemudahan Asrama/ Kolej Kediaman kepada semua pelajar baharu. Untuk makluman, Politeknik hanya menyediakan kemudahan asas seperti katil, tilam, almari, meja dan kerusi. Keperluan peribadi lain hendaklah dibawa sendiri. Koperasi Politeknik Sandakan Sabah ada menjual kelengkapan asas yang diperlukan.

Pelajar perlu menyediakan kelengkapan seperti di bawah:

- i. 1 bantal
- ii. 1 sarung bantal, sehelai cadar
- iii. 1 helai kain selimut
- iv. 2 seluar track (track bottom)
- v. 2 helai baju T berkolar
- vi. 1 pasang baju melayu (lelaki Muslim)
- vii. 1 pasang baju kurung (perempuan)
- viii. Songkok berwarna **HITAM** bagi pelajar lelaki (Muslim)
- ix. Kain tudung berwarna **PUTIH / HITAM** bagi pelajar perempuan (Muslim)
- x. Kasut sukan
- xi. Pakaian harian secukupnya untuk ke kuliah (jeans tidak dibenarkan)
- xii. Barang-barang keperluan peribadi (baldi, tuala, sabun mandi dan lain-lain).
- xiii. Barang kemas tidak dibenarkan.

Pelajar perlu mematuhi Garis Panduan Pengurusan Kolej Kediaman seperti berikut :

- i. Barang kemas dan barang berharga tidak dibenarkan.
- ii. Pelajar tidak dibenarkan memasak di asrama
- iii. Pelajar dilarang membawa sebarang jenis senjata
- iv. Penggunaan barangan elektrik perlu mendapat kebenaran pihak pengurusan Kolej Kediaman
- v. Kenderaan (perlu memohon pelekot sebelum dibenarkan bawa masuk ke kampus **kecuali** Hari Pendaftaran)

MINGGU TRANSFORMASI SISWA

1. Semua pelajar baharu **DIWAJIBKAN** melalui Minggu Suaikenal dan mengikuti semua program yang disusun tanpa sebarang pengecualian.
2. Untuk keperluan MTS, **PELAJAR LELAKI** dikehendaki menyediakan:
 - i. seluar slack hitam
 - ii. baju kemeja lengan panjang (berwarna putih)
 - iii. tali leher
 - iv. kasut kulit hitam
 - v. pakaian sukan
3. Untuk keperluan MTs, **PELAJAR PEREMPUAN** dikehendaki membawa :
 - i. kain sarung berwarna hitam
 - ii. baju berwarna putih
 - iii. tudung berwarna hitam
 - iv. kasut bertutup
 - v. pakaian sukan
4. Semua pelajar dikehendaki membawa pakaian sukan yang sesuai dan memenuhi syarat-syarat pakaian seperti yang dijelaskan dalam Buku Panduan Pelajar.



HAL – HAL LAIN

1. Semua slip pembayaran yuran perlu dibuat sekurang-kurangnya 4 salinan.
2. Sediakan mesin kira (calculator) saintifik yang **tidak boleh diprogramkan**.
3. Pelajar digalakkan untuk membuat permohonan biasiswa/pinjaman sebelum mendaftar masuk ke Politeknik Sandakan Sabah.
4. Pelajar perlu mendaftarkan kenderaan di JHEP dan membeli pelekat kenderaan (Sticker) sekiranya ingin membawa kenderaan ke kampus.
5. Semua kenderaan yang tidak berdaftar **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke kampus termasuk kenderaan ibu bapa/penjaga sepanjang tempoh pengajian **kecuali** pada Hari Pendaftaran
6. Makan dan minum pelajar adalah secara pembelian sendiri di kafe sepanjang pengajian.

MAKLUMAT AM



1. PROFIL POLITEKNIK

Politeknik Sandakan Sabah (PSS) merupakan politeknik ke-27 di Malaysia dan ke-2 di Negeri Sabah. Politeknik ini mula beroperasi pada 12 Mei 2008 di Politeknik Kota Kinabalu (PKK) dan berpindah ke kampus sementara iaitu di Labuk Jaya Sandakan pada Julai 2009. Pada akhir Disember 2011, PSS beroperasi sepenuhnya di kampus tetap di Education Hub, Batu 10 Jalan Sg. Batang, Sandakan Sabah. PSS memulakan pengambilan pertama pelajar pada Sesi Julai 2009 dengan menawarkan Program Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP).

Kampus tetap PSS terletak 10 batu iaitu lebih kurang 16 KM dari pusat bandar Sandakan. Dengan keluasan 100 ekar, ianya dijangka akan menjadi pemangkin kepada kemajuan kawasan hub pendidikan Pantai Timur Sabah ini.

Untuk kemudahan para pelajar, PSS mempunyai kemudahan Kolej Kediaman yang mampu menampung sehingga 500 orang pelajar dalam satu-satu masa. PSS amat menitikberatkan akan kebajikan pelajarannya. Oleh itu, semua pelajar semester satu (1) akan ditawarkan kolej kediaman.

2. PANDUAN UNTUK KE POLITEKNIK SANDAKAN SABAH

Sila rujuk pelan lokasi Politeknik Sandakan Sabah yang disertakan di **LAMPIRAN G** Buku Panduan ini.

Kampus tetap Politeknik Sandakan Sabah terletak di alamat Politeknik Sandakan Sabah, Kementerian Pelajaran Malaysia, Education Hub, Batu 10, Jalan Sg. Batang, 90000 Sandakan Sabah.

3. RUPA DIRI

Semua pelajar adalah tertakluk kepada semua peraturan bertulis di Politeknik Sandakan Sabah. Secara umumnya pelajar-pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas, bersih, menutup aurat (bagi pelajar Islam) dan sopan. Semua jenis pakaian yang mencolok mata adalah dilarang.

3.1 Pakaian dan Rupa diri Siswa

Baju

- i. Baju kemeja lengan panjang.
- ii. Baju-T jenis berkolar yang dibenarkan, tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar atau negatif.
- iii. Sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (tuck-in).
- iv. Mestilah sentiasa dikenakan butang dengan sempurna.
- v. Pemakaian baju Melayu (baju kebangsaan) dibenarkan tetapi hendaklah lengkap sepasang berserta sampung dan songkok hitam.

Seluar

- i. Seluar 'slack' panjang BERWARNA **HITAM**. Warna putih dan warna-warna terang seperti merah adalah tidak dibenarkan.
- ii. Seluar 'jeans', seakan-akan jeans atau mempunyai fesyen seluar jeans adalah dilarang.

Kasut dan Stokin

- i. Hendaklah sesuai untuk kerja di pejabat dan sempurna berstokin.
- ii. Stokin hendaklah berwarna hitam atau gelap dan melepasi buku lali.
- iii. Tidak dibenarkan memakai stokin yang mempunyai gambar kartun dan sebagainya.
- iv. Kasut sukan dibenarkan hanya untuk tujuan riadah sahaja.
- v. Selipar, terompah, capal dan seumpamanya adalah dilarang (Kasut hendaklah bertutup penuh).
- vi. Kasut berladam logam yang berbunyi bising adalah dilarang.

Rambut

- i. Rambut sentiasa pendek dan kemas. Aras belakang tidak melebihi paras kolar baju, aras tepi tidak melebihi paras setengah telinga dan aras depan tidak melebihi aras dahi.
- ii. Rambut berfesyen seperti 'afro', 'punk', 'trojan', berekor dan diwarnakan adalah dilarang.
- iii. Tidak botak kecuali yang disyariatkan oleh agama.

3.2 Pakaian dan Rupa diri Siswi.

Baju

- i. Pakaian yang menutup aurat, bersih, kemas dan sopan bagi semua pelajar Islam.
- ii. Pakaian yang mencolok mata dilarang (contoh pakaian yang mencolok mata ialah pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan seperti dada, bahu dan belakang).
- iii. Pakaian hendaklah berlengan panjang sampai ke pergelangan tangan.
- iv. Labuh baju sekurang-kurangnya menutupi paras punggung.
- v. Pelajar bukan Islam dilarang memakai 'skirt' yang lebih pendek dari paras lutut.
- vi. Baju – T adalah dilarang.

Sarung/Maxi

- i. Labuh.
- ii. Longgar.
- iii. Tidak jarang.

Seluar

- i. Seluar 'slack' panjang berwarna hitam atau gelap. Warna putih dan warna-warna terang seperti merah adalah tidak dibenarkan.
- ii. Seluar 'jeans', seakan-akan jeans atau mempunyai fesyen seluar jeans adalah dilarang.
- iii. Tidak ketat.

Kasut dan Stokin

- i. Hendaklah sesuai untuk kerja di pejabat dan sempurna berstokin.
- ii. Stokin hendaklah berwarna hitam atau gelap dan melepasi buku lali.
- iii. Tidak dibenarkan memakai stokin yang mempunyai gambar kartun dan sebagainya.
- iv. Kasut sukan dibenarkan hanya untuk tujuan riadah sahaja.
- v. Selipar, terompah, capal dan seumpamanya adalah dilarang (Kasut hendaklah bertutup penuh).
- vi. Kasut berladam logam yang berbunyi bising adalah dilarang.

Rambut

- i. Pelajar Islam digalakkan memakai tudung seperti yang disyariatkan oleh Islam.
- ii. Hendaklah kemas dan beridentitikan seorang pelajar perempuan.
- iii. Rambut berfesyen seperti 'afro', 'punk', berekor dan diwarnakan adalah dilarang.

Perhiasan

- ii. Tidak digalakkan memakai barang kemas.
- iii. Mencukur bulu kening dan solekan yang berlebihan adalah dilarang.

SEPANJANG TEMPOH PENGAJIAN

Lelaki	Keterangan
Baju	Kemeja lengan panjang / pendek Baju T berkolar(<i>tuck-in</i>) Baju Kebangsaan lengkap
Seluar	Seluar 'slack'
Kasut	Kasut berstokin yang sesuai atau kasut sukan
Rambut	Pendek, kemas dan tidak diwarnakan



Gambarajah 18



Gambarajah 19

Perempuan	Keterangan
Baju	Baju kebangsaan lengkap Berlengan panjang, kemas dan bersopan Baju T berkolar Pakaian labuh melepasi paras punggung
Seluar	Seluar 'slack'
Sarung/Maxi	Labuh, longgar dan tidak jarang
Kasut	Kasut bertali yang sesuai atau kasut sukan
Rambut	Kemas dan tidak diwarnakan



Gambarajah 20

LAMPIRAN

1. Borang HEP 1 hingga HEP 6 perlu dilengkapkan. **Setiap dokumen mestilah dicetak pada satu muka kertas bersaiz A4 untuk setiap satu, cetakan tidak boleh dilakukan pada muka hadapan dan belakang helaian yang sama.**
2. Pelajar perlu menjalani pemeriksaan kesihatan di klinik kerajaan/ swasta dengan tanggungan sendiri sebelum melapor diri sebagai pelajar Politeknik.
3. **Pegawai yang layak menjadi saksi untuk mengesahkan salinan sijil serta dokumen:**
 - a. Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional / Kumpulan A
 - b. Doktor yang bertugas di Pusat kesihatan Kerajaan sahaja
 - c. Pengetua Sekolah Menengah
 - d. Pegawai Polis berpangkat ASP dan ke atas
 - e. Pegawai Tentera berpangkat Kapten dan ke atas
 - f. Penguasa Penjara, Penguasa Bomba, Penguasa Kastam
